

Peraturan tidak perlu jika kebersihan dijaga

BH 28 APR 1986

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penguatkuasaan undang-undang mengenai kebersihan di bandaraya tidak perlu jika semua penduduk sedar akan tanggungjawab mereka memelihara kawasan sekitar.

Katanya, tanggungjawab memelihara kebersihan dan keindahan bandaraya tidak sepatutnya diserahkan semata-mata kepada majlis perbandaran, sebaliknya ia menjadi tanggungjawab setiap

penduduk ibu kota.

Jika setiap penduduk mementingkan kebersihan, peruntukan untuknya dapat dikurangkan dan majlis perbandaran boleh menggunakan peruntukan itu untuk menyediakan kemudahan lain, katanya ketika melancarkan Yayasan Wilayah Persekutuan di sini.

Perdana Menteri juga mahu penjaja dan peniaga kecil memelihara kebersihan kawasan gerai dan persekitaran bagi menarik lebih ramai pe-

langgan.

"Penjaja dan peniaga kecil adalah sebahagian daripada tarikan pelancong ke ibu kota dan negara ini. Imej yang baik dapat menarik lebih ramai pelancong ke sini," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun Kuala Lumpur seolah-olah diberi perhatian istimewa oleh kerajaan dengan usaha bersekolah-sungguh memindahkan kawasan sekitarnya, ia selaras dengan sifatnya sebagai ibu negara.

Setiap penduduk hendaklah berbangga dengan usaha ini kerana ibu negara adalah milik bersama rakyat, katanya.

Taraf

Perdana Menteri berbangga dengan sikap penjaja dan peniaga kecil yang turut memberi sumbangan kepada yaysan yang ditubuhkan.

Mereka bukan sahaja membantu kehidupan penduduk berpendapatan rendah dengan jualan barangan yang lebih murah, tetapi mereka juga memberi sumbangan menggerakkan kegiatan masyarakat ibu kota melalui yaysan ini, katanya.

Beliau berharap wang kutipan yaysan dapat meningkatkan taraf hidup wargakota.